

03 OCT 1998

Annuar-Anwar

RAKYAT DIMINTA YAKIN TERHADAP TINDAKAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad terpaksa melucutkan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Anwar tidak layak menjadi Perdana Menteri berikutan moralnya yang rendah.

Semasa berucap pada perasmian Gerakan Desa Wawasan di Kampung Malaysia Tambahan di Sungei Besi di sini hari ini, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa meminta rakyat agar tidak dipengaruhi emosi dan menyerahkan perkara itu kepada mahkamah.

Menurut Annuar, tidak mungkin Dr Mahathir bertindak melucutkan jawatan Anwar tanpa bukti kerana beliau teramat sayang kepada Anwar.

Annuar berkata, Dr Mahathir mempunyai kuasa mutlak untuk menyingkir atau menukarkan portfolio menteri-menteri yang berada di dalam Kabinetnya.

Annuar berkata Anwar bernasib baik kerana mendapat kepercayaan penuh Dr Mahathir sehinggakan dalam masa yang singkat, dia berjaya menjadi orang terpenting selepas Perdana Menteri.

Mengenai Gerakan Desa Wawasan, Annuar berkata, gerakan itu bertujuan memupuk nilai-nilai dan sikap masyarakat luar bandar agar tidak terlalu bergantung kepada kegiatan ekonomi tradisi sebagai punca pendapatan.

Menurutnya, beberapa program termasuk kempen secara besar-besaran akan diadakan di seluruh negara bagi memastikan Risda dan anak-anak syarikatnya meningkatkan hasil pendapatan para pekebun kecil.

Annuar berkata, kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi sepenuhnya peruntukan, bagi membantu masyarakat di luar bandar, walaupun terpaksa meminjam bagi membiayai program-program yang akan dijalankan.

-- BERNAMA

RA RI